



**FELNIDIAH**

## **Felnidiah intai pingat 100m**

### **berpagar Sukma**

**23/05/2012 A14**  
**KOTA KINABALU:**  
Olahragawati Unviersiti  
Malaysia Sabah (UMS)  
2012 Felnidiah Lok  
Lassim, 21, sasar pingat  
pada Sukan Malaysia  
(Sukma) 2012 di Pahang  
Julai depan.

Ia merupakan percubaan keempat Pelajar Sains Sukan Tahun 1 di UMS tersebut untuk memburu pingat dalam acara kegemarannya, 100m berpagar tahun ini selepas gagal dalam tiga Sukma sebelum ini.

Bagaikanapun, Felnidiah juga merupakan anggota kuartet 4x100m yang memenangi pingat emas pada Sukma 2006 dan 2008 serta pingat perak pada 2010.

“Saya harap kali ini dapat menang pingat dalam acara 100m berpagar atau sekurang-kurangnya memperbaiki catatan peribadi.

“Catatan peribadi terbaik saya setakat ini adalah 14.9s dan saya ingin memperbaikinya sehingga pada sekitar 14.5s,” kata atlet berasal dari Kg Landung Ayang Kudat tersebut.

Mengenai kejayaannya dikalungkan Anugerah Olahragawati UMS 2012, Felnidiah berkata, ia sesuatu yang membanggakan terutama selepas beliau beri komitmen kepada sukan sejak di bangku sekolah rendah lagi.

Ditanya cabaran memberi komitmen kepada sukan dan akademik, Felnidiah berkata ia kadang-kadang memberi masalah.

“Bagaikanapun saya akan cuba untuk buat yang terbaik kedua-duanya. Saya mahu berjaya dalam akademik dan sukan,” katanya sambil memberitahu bahawa beliau juga berharap akan menjadi jurulatih pada masa depan.

Felnidiah kini berlatih di bawah bimbingan Raymie A Bakar yang juga jurulatih jaguh 110m berpagar negara dari Sabah, Rayzamshah Wan Sofian.